

Inisiatif RPEL lonjak kebolehpasaran veteran ATM

Program Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL) yang tercetus daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ialah inisiatif kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia yang dilaksanakan pada September 2017.

Program ini direalisasikan hasil memorandum persefahaman (MoU) di antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Sehingga Ogos 2019, sejumlah 1,586 anggota dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah berdaftar bagi program ini.

Daripada jumlah itu, 63.8 peratus iaitu seramai 1,012 orang terdiri daripada anggota ATM manakala bakinya, 574 adalah veteran ATM.

Untuk rekod, 81.5 peratus daripada jumlah calon berdaftar, seramai 1,294 berjaya dinilai

dan dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

RPEL adalah program penilaian yang mengiktiraf pengetahuan dan kepakaran, pengalaman dan keterampilan semasa perkhidmatan khusus untuk anggota dan veteran ATM.

Ia menawarkan pensijilan; Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2 dan 3.

Inisiatif RPEL yang dilaksanakan PERHEBAT bertepatan dengan teras Kebajikan Veteran, Kementerian Pertahanan iaitu memperkasa pembangunan modal insan, seterusnya meningkatkan sosioekonomi kumpulan sasar.

Ia bagi menjamin kebajikan anggota dan veteran ATM untuk terus berjaya dalam kerjaya kedua mereka selepas tamat perkhidmatan.

Matlamat RPEL fokus kepada peningkatan kerjaya dan

kebolehpasaran, seterusnya berupaya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah.

Program yang diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia ini memberi peluang kepada calon untuk memiliki Diploma dalam tempoh satu hingga tiga bulan tanpa perlu hadir kursus formal.

Ketika ini, 94 bidang sudah diiktiraf berkaitan perkhidmatan anggota Tentera Darat (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang merangkumi Penyelenggaraan Pesawat (Avionik), Elektrikal Marin, Pengurusan Operasi Logistik, Fotografi, Perakaunan dan Pengurusan Pentadbiran.

Melalui inisiatif ini, anggota dan veteran tentera berpeluang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

Program ini setanding dengan program latihan yang dijalankan di negara maju seperti England dan Australia.

"Generasi muda pada masa kini perlu bersifat patriotik dan memahami makna itu sendiri kerana ia tanda kasih sayang kita kepada negara. Kita mesti ada perasaan cinta, taat setia dan melindungi negara dari segala bencana."

Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Penaung Kempen Tahnang Pahlawan

